

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 22 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L688
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa kontraktor elektrik sukar untuk mendapat dan membeli 'armoured cable' atau kabel bawah tanah iaitu PVC/SWA/PVC (CU) atau (AL) berbagai saiz disebabkan harga naik dengan mendadak sekali melebihi 50% di mana ini memberi kesan kepada kemajuan projek. Apakah caranya pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya barang ini tidak dimonopolikan.
2. PN-1131-L446
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak tahun 2004 data kes rasuah yang telah disiasat, didapati bersalah, kes yang melibatkan ahli politik dan kakitangan Kerajaan dan bagi kes melibatkan kakitangan Kerajaan, sila berikan data mengikut gred saraan kakitangan.
3. PN-1131-L402
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian dijalankan ke atas tahap kejayaan Akademi-akademi Binaan Malaysia (ABM) untuk mengeluarkan pekerja-pekerja binaan tempatan bagi mengurangkan pergantungan ke atas pekerja asing. Berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan dan berapa ramaikah bekas pelatih ABM yang telah memasuki sektor pembinaan.
4. PN-1131-L624
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk warganegara Malaysia yang bekerja sebagai pengasuh kepada warga Malaysia yang profesional yang tinggal di luar negara untuk pulang bekerja di Malaysia. Dari tarikh implementasi program ini hingga kini berapakah jumlah warganegara yang telah pulang ke Malaysia.

5. PN-1131-L411
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan cadangan memindahkan kilang kayu yang terletak bersebelahan dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda yang menjejaskan kesihatan pegawai-pegawai dan anggota polis dan juga ahli keluarga polis yang tinggal di situ.
6. PN-1131-L773
Tuan Chiu Tiang Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kita masih bergantung kepada produk-produk farmasi (Pharmaceutical Products) luar negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pergantungan negara kepada pembekal dari luar negara.
7. PN-1131-L298
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan perancangan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki dan memulihkan keadaan infrastruktur termasuk ICT dan mengatasi masalah kesesakan di penjara-penjara dan pusat-pusat tahanan dalam negara kita.
8. PN-1131-L485
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan strategi pembasmian kemiskinan di kalangan penduduk kaum India yang tinggal di ladang-ladang dan juga di kawasan setinggian seperti mana yang telah dirancang dalam rangka rancangan jangka panjang dan Rancangan Malaysia Ke-8.
9. PN-1131-L729
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan segera dan serius yang akan diambil bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin daripada kejadian tanah runtuh. Adakah pembinaan jalan tersebut sahaja yang penting dan bukannya aspek keselamatan dalam pembinaan dan penggunaan jalan raya tersebut.
10. PN-1131-L183
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada wujud sebarang skuad atau unit khas yang ditubuhkan untuk memantau gerakan penganas yang mengancam keselamatan negara, dan sejauh manakah Malaysia bebas daripada ancaman tersebut.
11. PN-1131-L318
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan mengapakah masih ramai artis wanita yang memakai pakaian yang menjolok mata apabila tampil sama ada di pentas sebagai pengacara, penyanyi atau sebagai pemenang sesuatu anugerah. Apakah tidak ada satu garis panduan atau tidak ada penguatkuasaan terhadap cara mereka berpakaian.

12. PN-1131-L479
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah-sekolah swasta dari luar negara beroperasi di Malaysia dan sejauh manakah pencapaian akademik sekolah-sekolah swasta ini serta apakah sumbangan industri ini kepada pertumbuhan ekonomi dan pendidikan negara.
13. PN-1131-L215
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis aduan yang paling banyak diterima oleh hospital, poliklinik dan klinik Kerajaan. Nyatakan hospital besar yang paling banyak menerima aduan daripada orang ramai.
14. PN-1131-L154
Datuk (Dr). Jins bin Shamsudin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula cukai pendapatan kepada Seniman dan Karyawan seni yang pendapatannya tidak menentu.
15. PN-1131-L357
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia mengenai isu penjualan 'uranium' oleh Kerajaan Australia kepada India dan China.
16. PN-1131-L526
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan dan nilai projek yang tidak sempat disiapkan dalam RMK-8 dan dibawa ke dalam RMK-9.
17. PN-1131-L636
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan berapakah jumlah aliran tunai yang diperlukan setiap tahun bagi operasi tahunan TNB dan nyatakan jumlah keuntungan TNB antara tahun 2001 hingga 2005 dan strategi bagi mengatasi masalah kerugian berikutan aliran tunai yang semakin berkurangan selain daripada tindakan menaikkan tarif elektrik. Nyatakan anggaran kerugian akibat daripada ketirisan hasil berpunca daripada kecurian tenaga elektrik bagi tahun 2001 hingga 2005 dan strategi bagi menangani isu tersebut.
18. PN-1131-L134
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian berkenaan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak di setiap Jabatan Kerajaan mahupun swasta yang pernah disarankan oleh Kementerian suatu ketika dahulu.

19. PN-1131-L286
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan penubuhan IPCMC sedangkan PDRM sendiri menolak penubuhannya. Apakah bezanya IPCMC dengan Suruhanjaya Penambahbaikan Pengurusan dan Perjalanan Polis yang sudah pun diwujudkan pada bulan April 2005.
20. PN-1131-L497
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani wabak Avian Flu tahun ini. Sila beri satu gambaran perkembangannya pada separuh tahun yang kedua.
21. PN-1131-L563
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan siswa dan siswi yang telah didakwa kerana melanggar AUKU sejak tahun 1997 dan apakah bentuk kesalahan yang dilakukan serta bentuk hukuman yang telah dikenakan.
22. PN-1131-L600
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada pihak MARDI boleh menjalankan penyelidikan ke atas bunga Melor (Jasmine) supaya ianya dapat disimpan sekurang-kurangnya selama satu minggu tanpa kembang dan rosak. Ini kerana bunga tersebut hanya boleh disimpan selama satu hari sahaja.
23. PN-1131-L670
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang disediakan dalam usaha mengekalkan saudara baru daripada murtad dan apakah aktiviti-aktiviti kemajuan ekonomi, sosial, dan pendidikan untuk saudara baru berdikari serta sebarang peraturan memasukan butiran agama di dalam dokumen pengenalan diri atau pengistiharan di dalam warta mengenai penukaran agama untuk maklumat umum supaya tiada lagi pertikaian yang berbangkit.
24. PN-1131-L535
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam setelah menaikkan harga minyak sebanyak tiga puluh sen pada 28 Februari yang lepas.
25. PN-1131-L549
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah hasil keuntungan Petronas dibelanjakan pada setiap tahun.

26. PN-1131-L375
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan statistik penggunaan telefon bimbit prabayar 2004-2005 dan langkah-langkah pemantauan yang telah diambil terhadap penggunaan dalam penyebaran Sistem Pesanan Ringkas (SMS) palsu dan lucah.
27. PN-1131-L336
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga kini sejauh manakah kita telah berjaya dalam usaha penyelarasan undang-undang Islam di seluruh negara dan apakah halangan-halangan besar yang dihadapi dalam usaha ini.
28. PN-1131-L272
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah dasar buka pintu kepada pengamal undang-undang dari Semenanjung yang mahu berkhidmat di Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan. Apakah faktor yang melambatkan pelaksanaan dasar buka pintu itu.
29. PN-1131-L203
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada disebabkan pertambahan penduduk yang meningkat di semua pusat-pusat bandar, adakah Kementerian akan menambahkan jumlah sekolah-sekolah rendah dan menengah dan memperluaskan lagi sekolah-sekolah yang sedia ada terutama sekali sekolah Cina dan agama dengan memberikan peruntukan bangunan untuk memenuhi permintaan tempat di dalam sekolah-sekolah yang terbabit.
30. PN-1131-L431
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan yang dicapai oleh Kolej Komuniti.
31. PN-1131-L556
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan kewujudan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk membanteras gejala 'Along' di seluruh negara dan adakah Kementerian berpuas hati dengan tahap penguatkuasaan pihak-pihak yang berwajib seperti pihak polis ataupun pihak Kementerian lain di dalam membanteras gejala-gejala 'Along' sama ada berlesen ataupun tidak berlesen dibawah 'The Moneylenders Act' dan/atau undang-undang lain yang berkaitan.

32. PN-1131-L447
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa jenis biofuel dalam kajian di Malaysia dan bantuan-bantuan yang diberi oleh Kerajaan serta berapakah R & D berkenaan biofuel dikendalikan dengan kerjasama negara asing.
33. PN-1131-L251
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan Kementerian setakat ini dan nyatakan program-program terbaru yang dirangka untuk melengkapkan mereka dengan sesuatu kemahiran dan keyakinan diri.
34. PN-1131-L574
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengadakan kursus wajib seperti Kursus Induksi yang dilaksanakan seperti ala PLKN kepada semua graduan sebelum meninggalkan universiti kelak.
35. PN-1131-L592
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan setakat manakah penggunaan komputer berjaya dalam pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar.
36. PN-1131-L781
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang diambil berhubung kes kekalutan perkhidmatan bas di Georgetown berikutan penyusunan semula sistem pengangkutan awam sehingga menyebabkan 10 pelajar dikenakan denda berlari keliling padang kerana masalah kelewatan yang berpunca dari pengurusan bas yang tidak sistematik.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [18 Mei, 2006]

- | | | | |
|-----|----------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 7/2006) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2005) 2006 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Industri
Perkhidmatan Air 2006 | “ |
| 4. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya
Perkhidmatan Air Negara 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 8/2006) | Rang Undang-undang Paten (Pindaan)
2006 ; | “ |
| 6. | (D.R. 9/2006) | Rang Undang-undang Pengangkutan
Jalan (Pindaan) 2006; | “ |
| 7. | (D.R. 3/2006) | Rang Undang-undang Akademi Seni
Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006; | “ |
| 8. | (D.R. 6/2006) | Rang Undang-undang Pembangunan
Kemahiran Kebangsaan 2006; | “ |
| 9. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan
(Pindaan) 2005; dan | “ |
| 10. | (D.R. 2/2006) | Rang Undang-undang Lembaga
Promosi Kesihatan Malaysia 2006. | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.3	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.5	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.6	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Pertubuhan Peladang MADA (YAYASAN) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	22 Mei 2006
ST.8	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Jemaah Pemasaran Lada Hitam Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.35	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006
ST.114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	22 Mei 2006